

21/01/2003

'Kita hanya berlatih di kandang sendiri'

#### MUKADIMAH

KETRAMPILAN Datuk Seri Dr Ibrahim Saad mirip kepada seorang profesor kerana beliau juga adalah Presiden Universiti Kuala Lumpur. Tapi, tutur bicara hariannya banyak berkisar kepada bola sepak. Slogan pagi bola, makan bola, tidur bola, cukup tepat untuk merumus corak kehidupan pengurus skuad kebangsaan Malaysia itu. Namun, Ibrahim masih sedih dengan kualiti bola sepak negara. Wartawan Berita Harian, HALMI SAMAD menemuinya lebih empat jam bagi menilai dan mengupas pandangannya mengenai masa depan bola sepak negara.

BERITA HARIAN: Bagaimana Datuk merumus mutu pasukan kebangsaan sekarang?

IBRAHIM: Kita dah lama terumbang-ambing biarpun macam-macam rancangan lakukan untuk naikkan semula mutu bola sepak negara. Nampaknya, sehingga hari ini kita belum lagi berjaya. Tapi, sekarang kita ada pemain muda yang minat main bola sepak. Nampak seperti ada peluang untuk naikkan semula mutu bola sepak negara. Dibandingkan dulu, kita seolah-olah tak minat (untuk naikkan mutu bola sepak).

BH: Sehingga hari ini, masih ramai yang cuba bandingkan kualiti skuad kebangsaan zaman silam dan sekarang. Adakah perkara ini relevan?

I: Inilah silapnya kita. Dulu, orang Arab tak serius main bola dan boleh dikatakan mereka langsung tak minat bola. Yang main bola ketika itu ialah kita (Malaysia), Korea, Jepun dan beberapa negara Asia Tenggara. Jadi, tahap bola sepak ketika itu tak sama seperti sekarang. Sekarang, bola sepak bertahap global. Semua orang nak main bola sepak. Negara-negara Ketiga yang tak kuat ekonomi pun gila main bola sampai boleh kalahkan negara kaya.

Malah, saya tahu ramai (pengkritik bola sepak di Malaysia) yang membandingkan kita dengan Korea. Mereka tidak tahu bahawa Korea memang dari dulu dah dapat masuk Piala Dunia. Jadi, senario dulu dan sekarang cukup berbeza. Cara kita main bola sepak pun berbeza.

BH: Jadi, apa sebenarnya yang kita harus lakukan untuk naikkan kualiti bola sepak Malaysia?

I: Kita kena lihat bola sepak daripada sudut saintifik dan profesional. Kita boleh bercerita sampai malam, tapi kalau ketepikan saintifik dan profesional, bola sepak Malaysia takkan sampai ke mana. Pertama, kita harus terapkan aspek saintifik dan profesionalisme terhadap pemain muda. Semuanya harus dilakukan secara profesional. Yang penting, soal gaji. Aspek ini pun mesti profesional. Begitu juga dengan sikap dan pendekatan pemain. Kita juga mesti profesional dalam menghadapi bola sepak secara keseluruhan. Pendek kata, semua orang daripada jurulatih, pegawai dan pemain, kena profesional.

Selepas itu, kita fikirkan pula soal pendekatan saintifik. Bola sepak banyak berkaitan dengan sistem latihan. Kita kena utamakan kecergasan, makan dan rehat. Saya minta maaf kalau tersilap cakap, tapi saya terlihat ada pemain kebangsaan yang makan mi segera. Mereka makan ikut selera. Mereka tak jaga tabii pemakanan. Tak jaga tidur. Langsung tak profesional. Mereka tak tahu apa yang hendak dimakan oleh pemain profesional. Jadi, inilah tanggungjawab kita. FAM (Persatuan Bola Sepak Malaysia) kena beritahu mereka perkara ini.

BH: Ramai juga yang kata kita harus bawa jurulatih bertaraf dunia ke Malaysia. Adakah pendapat ini benar?

I: Kita boleh dapatkan jurulatih terbaik di dunia. Tapi, soalnya adakah

kita boleh mengoptimumkan keupayaan pemain. Mungkin tidak. Soal ini, banyak bergantung kepada pemain. Pemain yang bagus tapi tapi tak berdisiplin, tidak akan pergi ke mana-mana. Kita dah lihat George Best dan Maradona. Pemain juga kena jaga aspek jiwa, emosi dan kewangan untuk mengoptimumkan prestasi mereka. Selepas itu, kita fikirkan soal latihan. Sekarang ini, bukan McDonald saja yang alami era globalisasi, bola sepak pun sama. Sistem latihan kita pun mesti bertahap globalisasi. Kita kena sentiasa berlatih dengan pasukan yang kuat.

Malangnya, kita asyik berlatih dalam kandang kita saja. Saya dapat tahu pasukan Olimpik Jepun, Korea Selatan dan China yang nak ke Athens 2004 sekarang ini berlatih di luar negara. Saya tak tahu di mana. Tapi, soalnya mereka pun ikut era globalisasi. Mereka berlatih di luar negara.

BH: Tapi, Datuk saya rasa FAM tidak pernah hadapi masalah kewangan. Pendapat ini mungkin silap, tapi kita jarang dengar FAM hadapi masalah kewangan. Jadi, kenapa perkara sebegini (berlatih di luar negara) boleh berlaku?

I: Kita sebenarnya mesti iktiraf bola sepak sebagai instrumen perpaduan. Bola sepak boleh buat sesuatu bangsa dan negara itu menjadi bangga. Kita patut ada program kewangan untuk bola sepak. Sebagaimana sukan lain, bola sepak patut dapat bantuan kerajaan. Ini kerana bola sepak boleh galakkan perpaduan. Semua orang tak kira apa bangsa sekalipun boleh bersorak di stadium kerana bola sepak. Jadi, anda perlu tajam (kritikal) untuk analisis kenyataan saya ini.

BH: Baru-baru ini, Tengku Abdullah (Sultan Ahmad Shah - Timbalan Presiden FAM) kata FAM perlu buat satu kajian. Apa kajian itu?

I: Satu perkara asas yang kita semua perlu tahu ialah FAM adalah sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Tapi, malangnya FAM ada tanggungjawab yang berat seolah-olah kami adalah kementerian atau jabatan kerajaan. Kami latih skuad bawah 12 tahun, 16 tahun dan seterusnya. Tanggungjawab ini sebenarnya tanggungjawab kerajaan. Kerajaan kena salur bantuan kewangan untuk bangunkan bola sepak yang berprestij. Malangnya, ada yang kata kami (FAM) seolah-olah bertaraf badan bebas sehingga MSN (Majlis Sukan Negara) tak perlu beri bantuan. Saya baru balik dari Dubai, Emiriyah Arab Bersatu (UAE). Mereka (Persatuan Bola Sepak Emiriyah Arab Bersatu) pun macam FAM. Bagaimanapun, mereka dapat bantuan yang besar daripada kerajaan.

BH: Berbalik kepada soalan saya tadi Datuk. Apakah sebenarnya kajian itu?

I: Secara kasar, mungkin ada lapan perkara yang FAM kena fikirkan. Pertama, mengenai struktur liga bola sepak itu sendiri. Kita kena fikirkan adakah jumlah pasukan yang bertanding dalam liga sekarang berlebihan. Di Jepun, hanya ada 10 pasukan bertanding dalam Liga Jepun (Liga J). Di Thailand, hanya lapan. Jadi, kita patut mula berfikir daripada sekarang. Kita juga kena fikirkan sama ada persatuan negeri wajar ada pasukan profesional. Saya berpendapat kita tidak perlu ada banyak pasukan bertaraf perdana (premier). Selayaknya, mungkin sekitar tujuh atau lapan. Yang lain, kita boleh ada banyak tapi bukannya pasukan perdana.

Perkara kedua harus dikaji ialah bola sepak adalah sukan yang menjana berbilion ringgit. Jadi, bola sepak seharusnya diurus oleh individu yang memiliki diploma, ijazah atau lebih tinggi daripada itu. Seharusnya mulai sekarang universiti mula memperkenalkan pengurusan sukan dan bola sepak. Kita harus keluarkan sarjana berkelulusan baik dalam pengurusan bola sepak. Saya berpendapat bola sepak harus ditadbir secara sepenuh masa oleh individu yang berkelayakan. Orang seperti saya (yang tidak berkelayakan dalam bola sepak) hanya tentukan hala tuju. Tapi, mereka yang jalankan urusan bola sepak mesti profesional.

Seperkara lagi, adalah berkaitan dengan tindakan `seseorang atau sekumpulan orang' yang suka jaga tepi kain orang. Mereka tak layak dan tak

berkelayakan, tapi suka campur tangan. Mereka seolah-olah ada kuasa tentukan susunan pemain. Mereka mahukan pemain tertentu dalam pasukan kebangsaan biarpun jurulatih kata tak boleh. Senario begini masih ada di dalam pasukan kebangsaan. Saya bukannya hipokrit. Kita sebenarnya tidak boleh kacau kerja jurulatih. Biarkan dia buat kerja dia. FAM juga akan kaji perkara ini.

BH: Bagaimana pula Datuk rumuskan prestasi bola sepak kita di Piala Tiger baru-baru ini?

I: Kalau diikutkan dari segi kejohanan, kita sebenarnya gagal. Dua tahun dulu, kita dapat nombor tiga di Thailand. Kali ini, kita hanya dapat nombor empat. Kita sebenarnya gagal. Bagaimanapun, kita meningkat dari segi prestasi keseluruhan. Taraf permainan kita meningkat berbanding beberapa tahun dulu.

BH: Tapi, malangnya kita masih tak dengar ada orang yang letak jawatan. Di Singapura, Jan Poulsen (jurulatih) dah pun letak jawatan. Kenapa di sini belum ada lagi?

I: Saya tak nafikan bahawa Barat mempunyai budaya letak jawatan kalau gagal dalam sesuatu kejohanan. Malangnya ia hanya berlaku di Barat. Di sini (Malaysia), kita belum ada lagi.

BH: Adakah ia akan berlaku dan bila?

I: Saya berharap ia akan berlaku secepat mungkin supaya orang selepas ini akan tahu dan kenal budaya letak jawatan. Jangan bimbang, saya pasti budaya ini akan berlaku.

BH: Bagaimana dengan Datuk? Bila Datuk akan letak jawatan?

I: Sebenarnya saya alami dua kekecewaan yang amat sangat dalam tempoh dua tahun mulai 2001. Pada Sukan Sea 2001, saya begitu berkeyakinan tinggi bahawa skuad kebangsaan Malaysia akan jadi juara. Malangnya, kita tumpas dek satu gol yang mudah. Nak dijadikan cerita, penjaga gol itu pula datang dari Pulau Pinang iaitu negeri saya. Hati saya hancur tak terkata. Saya begitu kecewa dengan kekalahan ini. Tapi, saya pendam dalam hati kerana mungkin ada kejayaan selepas ini.

Kekecewaan kedua ialah di Piala Tiger 2002. Apabila habis 45 minit pertama pada separuh akhir (Piala Tiger 2002 di Gelora Bung Karno), hati kecil saya kata kita akan masuk final. Malangnya, kita kalah walaupun semua orang kata kita lebih handal dari Indonesia. Dua hari kemudian Malaysia kalah pula kepada Vietnam.

Jadi, dipendekkan cerita, saya berjanji akan letak jawatan sebagai pengurus pasukan Malaysia kalau kita tak dapat pingat emas di Sukan Sea 2003 di Vietnam.

BH: Kalau Datuk boleh letak jawatan tanda terima kekalahan, kenapa orang lain dalam FAM, misalnya Presiden atau Timbalan Presiden tidak mahu berbuat demikian.

I: Saya rasa perkara ini tidak relevan dan tak perlu ketika ini. Kehadiran Sultan Ahmad Shah dan Tengku Abdullah dalam FAM amat penting untuk tarik perhatian penaja. Kadangkala kita perlukan seseorang atau lebih untuk tarik penaja. Sumbangan Sultan Ahmad Shah dan Tengku Abdullah kepada FAM adalah terlalu dominan. Mereka banyak berjasa kepada FAM.

BH: Kalau Datuk letak jawatan, jadi ini bermakna pemain kebangsaan akan hilang pengurus yang mempunyai sifat 'keibubapaan' di dalam kem Malaysia?

I: Tiada siapa yang kekal di dunia ini. Yang patah akan tumbuh, yang hilang akan berganti. Bagaimanapun, saya tak nafikan ramai pemain kebangsaan sekarang amat serasi dengan saya. Mungkin ini disebabkan saya dulu adalah seorang cikgu dan profesor. Sekarang ini pun, ramai yang telefon saya kalau ada masalah.

BH: Dalam Bajet 2003, PM (Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed) luahkan kekecewaan kepada prestasi bola sepak Malaysia. Apa perasaan Datuk ketika itu?

I: Saya sangat gembira kerana akhirnya bola sepak dapat perhatian serius PM (Perdana Menteri). Cakap PM akan menggerakkan sukan bola sepak Malaysia. Saya masih ingat satu peristiwa pada 1998. Ketika itu, saya adalah Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Saya minta cuti untuk pergi ke Piala Dunia 1998 di Perancis. Malangnya cuti saya ditolak. Jadi, apabila PM kecewa dengan bola sepak, saya gembira kerana ini bermakna sukan ini akan berkembang selepas ini.

BH: Kenapa PM kecewa?

I: Mungkin PM kecewa lihat prestasi bola sepak kita yang terlalu jauh keciciran berbanding Jepun dan Korea Selatan. Dua negara itu dapat anjurkan Piala Dunia 2002. Yang nyata, bola sepak memberi kesan yang amat mendalam kepada sesuatu negara. Perkara ini sudah dialami oleh Jepun dan Korea Selatan. Pada masa yang sama, kita ada Menara Berkembar Petronas (KLCC) dan kita juga anjurkan perlumbaan Formula Satu (F1). Tapi kesannya tidak sehebat bola sepak. Kerajaan Jepun dan Korea Selatan melaburkan berjuta ringgit untuk bola sepak dan mereka terima pulangan serta impak (kesan) secara serta merta.

Mungkin PM merasakan kita juga boleh gunakan pendekatan serupa. Dulu, kita terlalu tumpukan kepada badminton, tapi sukan ini tak bawa kita ke mana pun. Jadi, ini buatkan PM jadi kecewa. Apatah lagi, apabila negara yang kecil pun boleh kalahkan Malaysia (dalam bola sepak). Ini benar-benar membimbangkan!